



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PELAKSANAAN PEDAGOGI KORAL OLEH UITM CHAMBER CHOIR



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PELAKSANAAN PEDAGOGI KORAL OLEH UITM CHAMBER CHOIR

KUAY HUEY JING



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASIINI DIKEMUKAKAN SEBAGAI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN MUZIK
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2024



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**Sila tanda (✓)**

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**Perakuan ini telah dibuat pada 06 (hari bulan) Februari (bulan) 2024**i. Perakuan pelajar :**

Saya, Kuay Huey Jing, M20211000259, Fakulti Muzik dan Seni Persembahan (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawadisertasi/tesis yang bertajuk Pelaksanaan Pedagogi Koral oleh UiTM Chamber Choir adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya



Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, Prof. Madya Dr. Mohd Nizam bin Nasrifan (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Pelaksanaan Pedagogi Koral oleh UiTM Chamber Choir : Satu Kajian Kes (TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Pendidikan Muzik (SLA NYATAKAN NAMAIJAZAH).

27/2/2024

Tarikh

Tandatangan Penyelia



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES****BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**Tajuk / Title: Pelaksanaan Pedagogi Koral oleh UiTM Chamber ChoirNo. Matrik /Matic's No.: Kuay Huey JingSaya / I : M20211000259

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajaran Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972.

**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

PENGETUA

Kolej Kediaman Universiti Omar

Universiti Pendidikan Sultan Idris
(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

27/2/2024

Catatan: Jika Tesis/Disertasi Ini **SULIT** @ **TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkewasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.





PENGHARGAAN

Terlebih dahulu bersyukur kepada Tuhan Yang Maha Kuasa kerana dengan limpah dan kurnianya dapat saya menyiapkan penyelidikan ini bagi memenuhi sebahagian syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Muzik.

Jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan saya ucapkan kepada penyelia saya iaitu Prof. Madya Dr. Mohd Nizam Bin Hj. Nasrifan atas bimbingan dan tunjuk ajarnya sepanjang saya menyiapkan penyelidikan ini. Keprihatinan serta kesediaan beliau membantu saya sepanjang tempoh pencalonan saya amat saya hargai. Terima kasih yang tidak terhingga juga kepada pensyarah dan semua kakitangan Fakulti Muzik dan Seni Persembahan yang telah memberikan kerjasama bagi memastikan penyelidikan ini dapat disiapkan dengan jayanya.

Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada semua subjek kajian yang terdiri daripada konduktor, Prof. Madya Dr. Masashi Kishimoto, dan ahli-ahli UiTM Chamber Choir, Cik Maryann Magdalena Linnis, Ali Akhbar Bin Nazri, Muhammad Haziq Bin Alias dan Nordiana Shalieza Binti Che Hashim atas perkongsian ilmu mereka kepada penyelidik. Mereka telah memberikan layanan yang sangat baik dan memberi sumbangan penting dengan berkongsi sumber-sumber yang diperlukan untuk melengkapkan penyelidikan ini.



Berbanyak penghargaan dan sekalung budi buat arwah ayah dan ibu yang disanjungi Kuay Seng Hong dan Puan Pu Juan atas doa, kasih sayang, didikan yang sempurna dan pengorbanan yang dicurahkan. Jutaan terima kasih teristimewa juga buat suami tercinta En Tee Kian Wei yang banyak memberikan dorongan, nasihat serta semangat yang berterusan kepada saya sepanjang tempoh pengajian master ini. Begitu juga buat anak yang saya kasih iaitu Joshua Tee Rey Cheng yang telah banyak bersabar dan mengorbankan masa bersama.

Sekalung terima kasih juga didedikasikan buat semua yang terlibat sama ada secara langsung mahupun tidak langsung dalam membantu menjayakan penyelidikan ini.

Akhir kata, semoga penyelidikan ini dapat memberi manfaat kepada semua pihak.

Sekian, terima kasih.





ABSTRAK

Kajian ini mendokumentasikan kualiti kepimpinan dan pelaksanaan pedagogi koral oleh UiTM Chamber Choir, sebuah kumpulan koir yang berprestij di Malaysia. Kajian ini bertujuan meninjau perkara-perkara yang berkaitan seperti aspek teknik vokal, kaedah latihan dan kualiti kepimpinan konduktor yang telah menyumbang kepada kejayaan kumpulan koir tersebut. Reka bentuk kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan instrument temu bual, pemerhatian dan analisa dokumen bagi mendapatkan data. Kaedah temubual digunakan terhadap konduktor dan ahli koir manakala kaedah pemerhatian dijalankan sewaktu beberapa sesi latihan untuk mengkaji pedagogi koral yang diaplikasikan serta kualiti kepimpinan konduktor. Kaedah analisa dokumen dijalankan untuk mendapatkan gambaran terhadap kualiti diri dan kepimpinan seorang konduktor yang memberi impak positif kepada kecemerlangan sesebuah pasukan koir. Dapatkan menunjukkan bahawa pengaplikasian pedagogi koral dari aspek teknik vokal yang berkesan dan kaedah latihan yang efektif merupakan antara faktor pencapaian kualiti nyanyian koir yang bermutu. Selain itu, peranan konduktor yang menunjukkan kompetensi pengurusan koir dan tahap muzikaliti yang tinggi serta mendukung motivasi dan aspirasi dalam kepimpinan telah menyumbangkan kepada kecemerlangan UiTM Chamber Choir. Hasil dapatan kajian ini telah dapat menyediakan panduan kepada pihak yang berminat untuk memahami secara mendalam berkaitan pedagogi koral bagi tujuan penubuhan koir atau memperkasakan kumpulan koir masing-masing.

Kata kunci: Pedagogi koral, teknik vokal, kaedah latihan, kualiti kepimpinan, koir





IMPLEMENTATION OF CHORAL PEDAGOGY ON UITM CHAMBER CHOIR:A CASE STUDY

ABSTRACT

This study documents the quality of leadership and the implementation of choral pedagogy on UiTM Chamber Choir, which is a prestigious choir groups in Malaysia. This study aims to review related matters such as aspects of vocal technique, rehearsal methods and the leadership qualities of the conductor that have contributed to the success of the choir. The design of this study uses qualitative methods which involve interview session, observation and document analysis to obtain data. The interview method was used towards conductor and choir members while the observation method was carried out during several training sessions to study the applied choral pedagogy and the conductor's leadership qualities. The method of document analysis was carried out to get an overview of the personal qualities and leadership of a conductor that has a positive impact on the excellence of a choir team. Findings show that the application of choral pedagogy from the aspect of effective vocal techniques and training methods are the factors in achieving quality choir singing. In addition, the role of the conductor who demonstrates choir management competence and a high level of musicality as well as supporting motivation and aspirations in leadership has contributed to the excellence of the UiTM Chamber Choir. The results of this study have been able to provide guidance to parties who interested in understanding choral pedagogy for the purpose of establishing a choir or empowering their respective choir groups.

Keywords: Choral pedagogy, Vocal technique, rehearsal method, leadership quality, choir





KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xvi



1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.2.1 Konsep Kajian	2
1.2.2 Koir Dalam Pendidikan Kokurikulum	3
1.2.3 Potensi Koir Dalam Pendidikan	6
1.2.4 Kualiti Konduktor Terhadap Kecemerlangan Pasukan Koir	7
1.3 Penyataan Masalah	9
1.4 Objektif Kajian	12
1.5 Persoalan Kajian	12
1.6 Definisi Operasional	13
1.6.1 Konduktor	13
1.6.2 Repertoire	13





1.6.3	Pedagogi	14
1.6.4	Koral	15
1.6.5	Teknik Vokal	15
1.6.6	Kaedah Latihan	15
1.7	Batasan Kajian	16
1.7.1	Subjek Kajian	16
1.7.2	Durasi dan Tempoh Kajian	16
1.7.3	Hasil Kajian	17
1.7.4	Repertoire	17
1.7.5	Skop Kajian	17
1.8	Kepentingan Kajian	18
1.8.1	Guru Penasihat Koir atau Pendidik Muzik	18
1.8.2	Konduktor	18
1.8.3	Ahli Penyelidik	19
1.8.4	Ahli Koir	19

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	20
2.2	Konduktor	21
2.3	<i>Conducting</i>	22
2.3.1	Sejarah Cheironomy	22
2.3.2	Teknik Pimpinan Lagu “ <i>Conducting</i> ”	26
2.4	Pedagogi Koral	28
2.4.1	Teknik Vokal	29
2.4.1.1	Pernafasan	29
2.4.1.2	Postur	31





2.4.1.3 Sebutan	32
2.4.1.4 Artikulasi	33
2.4.1.5 <i>Resonance</i>	35
2.4.2 Kaedah Latihan	35
2.4.2.1 Pemanasan Fizikal dan Vokal	36
2.4.2.2 Nyanyian Solfa	37
2.4.2.3 Sebutan Irama	38
2.4.2.4 Penghasilan Ton	38
2.4.2.5 Keseragaman Harmoni	39
2.4.2.6 Pergerakan	39
2.5 Kajian Lepas Tempatan	40
2.6 Kajian Luar Negara	41
2.6.1 Kualiti Konduktor	42
2.6.2 Pedagogi Koral	43
2.6.2 Rumusan	46

BAB 3 METODOLOGI

3.1 Pendahuluan	47
3.2 Reka Bentuk Kajian	48
3.2.1 Kerangka Konsep Kajian	49
3.3 Subjek Kajian	50
3.3.1 Konduktor UiTM Chamber Choir	51
3.3.2 UiTM Chamber Choir	52
3.4 Prosedur Menjalankan Kajian	56
3.5 Kaedah Pengumpulan Data	58
3.5.1 Kaedah Temu Bual	59





3.5.2	Kaedah Pemerhatian	60
3.5.3	Kaedah Analisa Dokumen	61
3.6	Prosedur Analisa Data	62
3.6.1	Analisa Temu Bual	62
3.6.2	Analisa Pemerhatian	64
3.6.3	Analisa Dokumen	64
3.7	Kesahan Data	65
3.7.1	Kesahan Temu Bual	65
3.8	Kesimpulan	66

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	67
4.2	Dapatan-dapatan Kajian Pedagogi Koral	68
4.3	Teknik Vokal	68
4.3.1	Postur dan Pernafasan	69
4.3.1.1	Postur Berdiri	70
4.3.1.2	Postur Duduk	71
4.3.1.3	Pernafasan	73
4.3.2	Pemanasan Fizikal dan Vokal	76
4.3.2.1	Pemanasa Fizikal	76
4.3.2.2	Pemanasan Vokal	77
4.3.3	Teknik <i>Yawn-sigh</i>	80
4.3.4	Artikulasi dan Sebutan	81
4.3.5	<i>Resonance</i>	84
4.3.6	Kesihatan Vokal	86
4.4	Pedagogi Koral - Kaedah Latihan	89





4.4.1	Pedagogi Nyanyian Repertoire	90
4.4.1.1	Pedagogi Koral “Funiculì, Funiculà dan Angelina”	91
4.4.1.2	Pedagogi koral Lagu “Ewa Bule”	100
4.4.2	Pengendalian Elemen Irama, Lirik dan Melodi	106
4.4.3	Intonasi	112
4.4.4	Keseragaman dan Keseimbangan Ton	116
4.4.5	Ekspresi Muzikal	119
4.4.6	Teknik Imaginasi dan Visualisasi	124
4.4.7	Teknik Pendengaran	126
4.4.8	Kaedah Tunjuk Cara	127
4.4.9	Pendekatan Sistem Manusia	130
4.5	Kualiti Konduktor	132



4.5.1	Kompetensi Pengurusan	133
4.5.1.1	Misi dan Visi	134
4.5.1.2	Struktur Kepimpinan	134
4.5.1.3	Konsep “ <i>Classroom Management</i> ”	137
4.5.1.4	Pengurusan Masa, Disiplin dan Komitmen	141
4.5.1.5	Perancangan Strategik	146
4.5.2	Kompetensi Muzikal	150
4.5.2.1	Pengalaman Koral	151
4.5.2.2	Pemilihan Repertoire	156
4.5.2.3	<i>Conducting</i>	163
4.5.3	Implikasi Motivasi	169
4.5.3.1	Motivasi Konduktor	170
4.5.3.2	Aspirasi Konduktor	174



**BAB 5 PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN**

5.1	Pendahuluan	178
5.2	Rumusan Dapatan-Dapatan Kajian	178
5.2.1	Pedagogi Koral Aspek Teknik Vokal	179
5.2.2	Kaedah Latihan Koral Yang Efektif	182
5.2.3	Kualiti Konduktor	201
5.3	Kesimpulan	213
5.4	Sumbangan Kajian	216
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan Masa Hadapan	218
5.6	Penutup	219
	RUJUKAN	221

LAMPIRAN



SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
3.1 Kaedah pengumpulan data mengikut persoalan kajian	59
3.2 Analisis Data Kualitatif	62
4.1 Rekod kejurulatihan dan pencapaian pasukan koir	155





SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
2.1	Isyarat tangan bermula pada era Yunani Awal 1500 B.C.	23
2.2	Lukisan hiasan di Makam Amenemhet, kira-kira 1500 B.C.	24
2.3	Perayaan Sumeria 2700 B.C.	24
2.4	Corak isyarat tangan	26
2.5	Pembentukan mulut mengikut bunyi vokal	33
2.6	Peringkat-peringkat Pemanasan	36
3.1	Kerangka Konsep Kajian (Kerangka kajian kes Yin (1989:p.56) diubahsuai oleh penyelidik)	50
3.2	Prosedur menjalankan kajian	57
4.1	Demonstrasi postur berdiri	71
4.2	Postur duduk	72
4.3	Pernafasan semasa nyanyian	74
4.4	Skor 1 Latihan Vokal Jeda Perfect -5	78
4.5	Skor 2 Latihan Vokal Arpegios	78
4.6	Skor 3 Latihan Staccato, Legato	79
4.7	Artikulasi-Pita suara	82
4.8	Keratan skor perubahan dinamik dari <i>ff</i> ke <i>pp</i>	93
4.9	Keratan skor perubahan pada bar 47	93
4.10	Keratan skor perubahan dinamik dari <i>f</i> ke <i>pp</i>	93
4.11	Keratan skor perubahan tempo bar 164 ke 167	94
4.12	Keratan skor dinamik ekspresif	94





4.13	Keratan skor interaksi suara SATB	95
4.14	Keratan skor interaksi suara SATB	95
4.15	Keratan skor interaksi suara SATB	95
4.16	Keratan skor menunjukkan irama <i>upbeat</i>	96
4.17	Keratan interaksi suara SATB	96
4.18	Keratan skor <i>Angelina</i> syara SATB	96
4.19	Keratan skor suara harmoni	101
4.20	Keratan skor menunjukkan modulasi melodi lagu	102
4.21	Keratan skor perubahan rentak	103
4.22	Keratan skor menunjukkan interaksi harmoni suara	103
4.23	Keratan skor menunjukkan interaksi harmoni suara	103
4.24	Keratan skor menunjukkan nyanyian solo	104
4.25	Keratan skor menunjukkan sorakan solo	104





SENARAI LAMPIRAN

- A Temubual Konduktor dan Pelajar
- B Temubual Responden
- C Skor Lagu “Ewa Bule”
- D Keratan Skor “Hendakan Jiwa”





BAB 1

PENGENALAN



Keseluruhannya, kajian ini telah meninjau perlaksanaan pedagogi koral oleh UiTM Chamber Choir, sebuah kumpulan koir yang berprestij di Malaysia. Untuk mengendalikan sesebuah kumpulan koir, penguasaan terhadap pedagogi koral memainkan peranan penting bagi mempersiapkan ahli kumpulan koir ke arah persempahan yang bermutu. Perkara ini amat penting bagi mengenalpasti kaedah dan pendekatan yang diamalkan oleh seseorang konduktor yang melibatkan perlaksanaan sesi latihan, strategi, pemilihan repertoire, teknik vokal yang berkesan bagi mencapai kualiti nyanyian. Kajian ini telah menggunakan rekabentuk kajian kes melalui pendekatan kualititaif terhadap konduktor yang berprestij dan kumpulan koir di bawah bimbangannya. Data bagi tujuan kajian ini diperolehi melalui temubual, pemerhatian dan analisis dokumen.





Seterusnya, bab ini menerangkan tentang kriteria-kriteria yang dikaji yang menyumbang kepada pembentukan sebuah pasukan koir yang cemerlang. Bab ini juga telah menghuraikan beberapa perkara utama kajian ini iaitu latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif, persoalan, definisi operasional, batasan dan kepentingan kajian.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kejayaan sesebuah kumpulan koir bukan sahaja bergantung kepada strategi perlaksanaan latihan dan pemilihan repertoire sahaja, malah faktor kredibiliti konduktor juga diperlukan. Pedagogi koral pula melibatkan aspek pengajaran dan pembelajaran

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah ptbupsi

koral yang diperlukan oleh konduktor untuk membimbing pasukan koir dengan kemahiran yang tertentu bagi mencapai hasil pembelajaran yang bermutu. Franca dan Wagner (2015) menegaskan bahawa konduktor yang efektif berupaya merancang setiap latihan, mengenal pasti objektif, bermatlamat dan memahami perilaku penyanyi di bawah bimbingannya.

1.2.1 Konsep Koir

Koir adalah suatu ensembel muzik para penyanyi yang menyanyi beramai-ramai. Ia bukan sebuah kumpulan penyanyi solo yang bersaing antara satu sama lain, malah sebagai sekumpulan penyanyi yang membentuk nyanyian berharmoni. Perkataan





"ensembel" berasal dari bahasa Perancis yang bermaksud "bersama-sama".

Dari segi istilahnya, koir adalah sebuah kumpulan muzikal vokal yang menyanyi beramai-ramai yang membentuk satu nyanyian yang harmoni. Walaupun bukan penyanyi solo yang baik, namun dalam kumpulan koir, ahli-ahli ini mampu untuk menghasilkan gabungan suara yang berharmoni, mantap dan merdu.

Kreativiti dalam persembahan koir sangat fleksibel di mana penyampaian boleh dibuat secara solo dan diikuti nyanyian berkumpulan mahupun saling berbalas nyanyian dalam kumpulan kecil itu. Jenis-jenis suara yang biasa ada dalam setiap persembahan koir termasuklah soprano, alto, tenor dan bass. Kepelbagaiannya paduan suara inilah yang menghasilkan runut bunyi yang harmoni dan sedap didengar oleh halua telinga. Koir boleh dipersembahkan sama ada bersama irungan muzik ataupun hanya berkonsepkan tanpa irungan muzik.

1.2.2 Koir Dalam Pendidikan Kokurikulum

Koir dalam pendidikan biasanya diadakan dalam bentuk pertandingan atau pun persembahan. Ia merupakan aktiviti yang popular dijalankan di sekolah-sekolah berbanding dengan lain-lain aktiviti muzik. Ini adalah kerana aktiviti koir tidak memerlukan perbelanjaan yang besar dari segi peralatan muzik dan juga lebih mudah mendapatkan penyertaan pelajar di samping keperluan masa latihan yang agak singkat.





Perlaksanaan pengajaran dan pembelajaran koir di sekolah bukanlah sesuatu baharu diwujudkan. Tidak dapat dinafikan bahawa status koir semakin diberi perhatian oleh pendidik-pendidik muzik. Sesetengah sekolah sanggup membiayai tenaga pengajar dari luar terutama sekolah-sekolah di bandar untuk memastikan bahawa murid-murid sekolah rendah mahupun di peringkat menengah mendapat pendedahan tentang pengalaman nyanyian secara berkumpulan ini. Selain itu, matlamat sekolah juga adalah memastikan pasukan sekolah masing-masing dapat menujuarai pertandingan-pertandingan baik di peringkat daerah maupun di antarabangsa.

Koir tidak diterapkan dalam kurikulum sekolah, tetapi adalah salah satu komponen dalam kokurikulum di sekolah (Mohd,2013). Lazimnya, latihan koir dijalankan semasa waktu kokurikulum, iaitu selepas waktu persekolahan. Namun demikian, terdapat juga sekolah tidak menubuhkan pasukan koir sebagai aktiviti kokurikulum di sekolah.

Di sekolah, kelab koir ialah sebuah kumpulan nyanyian yang terdiri daripada 25-45 orang atau lebih. Koir ditubuhkan di sekolah hasil daripada permintaan pelajar-pelajar. Guru-guru akan menjemput orang luar bagi mengajar pelajar-pelajar sekiranya guru penasihat tersebut tidak mempunyai kepakaran dalam bidang koir tersebut. Kebiasaannya, koir juga dibimbang oleh senior daripada sekolah tersebut yang menjadi kumpulan mahir. Apabila sesuatu kumpulan baru ditubuhkan maka kumpulan baru ini akan membuat persembahan di sekolah dan akan menggantikan kumpulan mahir atau senior mereka.





Penubuhan koir di sekolah mahupun di universiti adalah sejajar dengan matlamat kurikulum pendidikan muzik untuk melahirkan murid yang berilmu, berketrampilan dan berpengalaman muzik bagi membolehkannya mempunyai disiplin dalam penciptaan, membuat persembahan, menikmati muzik ke arah pembentukan insan yang mempunyai emosi seimbang serta kreatif, inovatif dan inventif. Ini jelas kelihatan dalam penglibatan pelajar-pelajar dalam koir serta pertandingan koir antara sekolah-sekolah dari peringkat daerah ke kebangsaan, sambutan perayaan yang diadakan di sekolah seperti sambutan Hari Kemerdekaan, Hari Guru dan lain-lain.

Selain itu, koir sebagai rekreasi atau kesenggangan amat sesuai sebagai pilihan aktiviti kokurikulum di sekolah-sekolah terutama dalam keadaan wujudnya gejala sosial khususnya di kalangan generasi muda. Koir dapat memberi penekanan ke arah pembentukan kualiti diri dan sahsiah pelajar merangkumi aspek perasaan, kreativiti, nilai sosialisasi, estetika dan etika. Di samping sebagai pendorong yang berfungsi sebagai penggerak minda untuk memikir dengan lebih ke arah peningkatan diri, penglibatan dalam aktiviti koir memerlukan komitmen dan disiplin diri yang tinggi. Aktiviti koir ini juga dapat mencungkil bakat pelajar yang sekaligus membina keyakinan kental dalam diri. Kenyataan ini turut disokong oleh Barrett & Zhukov (2022) bahawa hubungan juga terjalin daripada persahabatan yang kuat di kalangan ahli koir, rasa kepunyaan dan penerimaan secara tidak langsung dipelihara menerusi penyertaan aktiviti koir.

Daya saing pelajar dapat dipupuk melalui pertandingan koir. Persaingan - persaingan yang hebat wujud kerana masing-masing ingin meningkatkan mutu dan kualiti dari segi persembahan nyanyian dan aksi koir serta penampilan kebolehan konduktor (Joshua ,2020).





Di peringkat universiti, kurikulum adalah sebuah kegiatan yang wajib disertai oleh semua pelajar institusi pengajian tinggi. Ia telah diwartakan dalam Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). Oleh yang demikian, setiap universiti mempunyai objektif yang sama iaitu melahirkan graduan yang berpotensi tinggi dan serba boleh. Kurikulum merupakan salah satu perkara yang memberi impak yang besar terhadap graduan terutamanya yang baru menamatkan pengajian.

1.2.3 Potensi Koir Dalam Pendidikan

Untuk mengendalikan sesebuah koir di peringkat sekolah mahupun institut pengajian tinggi bukanlah mudah. Pengekalan kualiti sesebuah koir itu merupakan cabaran yang besar, khasnya kepada guru koir. Latar belakang ahli-ahli koir juga merupakan satu faktor yang menyumbang kepada pengekalan kualiti.

Dalam pendidikan, keupayaan pentas koir untuk diangkat sebagai salah satu medium penyatuan bangsa memang tidak dapat dinafikan lagi. Sebagai contoh, ahli yang terdiri daripada kaum yang berbeza perlu dipimpin oleh seorang ketua iaitu konduktor. Setiap ahli pula memainkan peranan yang berbeza dalam lontaran suara berdasarkan kategori soprano, alto, tenor mahupun bass. Kunci kejayaan persembahan koir adalah pada nilai penyatupaduan setiap ahli pasukan tersebut.

Persembahan seni koir dalam pendidikan merupakan satu wadah hiburan kreatif, bernilai, dan menjadi salah satu medium interaksi sosial dalam pendidikan. Penyertaan pelbagai kaum yang berbakat seni vokal dalam seni koir amat digalakkan kerana ia boleh





dijadikan medium untuk kita sama-sama berhibur di samping mempelajari seni, budaya, dan bahasa yang terdapat dalam negara kita yang akhirnya membawa kepada satu titik persamaan untuk kita saling mengenali antara satu sama lain.

Selain itu, pendidikan koir juga berpotensi untuk dijadikan tapak integrasi dan mengukuhkan identiti sesuatu budaya bangsa dalam sesebuah negara. Salah satu program iaitu penganjuran Pertandingan Koir Perpaduan Keluarga Malaysia Tahun 2022 oleh Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui program Semarak UNITI Keluarga Malaysia yang diilhamkan sendiri oleh Menteri Perpaduan Negara, Datuk Halimah Mohamed Sadique telah dijalankan pada Oktober, 2022. Program yang bertujuan menyemarakkan lagi semangat perpaduan ini menyasarkan penyertaan kepada semua lapisan masyarakat termasuk pelajar sekolah, mahasiswa, agensi awam mahupun swasta.



1.2.4 Kualiti Konduktor terhadap kecemerlangan Pasukan Koir

Apabila mendengar koir atau melihat guru mengendalikan, seseorang boleh bertanya, "Mengapa satu koir lebih berjaya daripada yang lain, walaupun potensi koir itu hampir sama?" Mengapakah penonton menikmati satu persembahan lebih baik daripada yang lain? Jawapannya biasanya tersembunyi dalam personaliti dan kelayakan konduktor.

Carnicer & Requena (2015) menerangkan bahawa hubungan kepimpinan dan pengendalian muzik seorang konduktor muzik dan keasannya terhadap fungsinya dalam kumpulan atau koir dalam latihan dan konsert adalah dari segi dimensi peribadi, tahap lisan, kesahihan, kesedaran diri emosi, mempunyai kesedaran sosial yang





meliputi empati, kesedaran organisasi, kemahiran sosial iaitu kepimpinan inspirasi, pengaruh, pengurusan konflik, kerja berpasukan dan kerjasama dan pengurusan diri konduktor iaitu kawalan kendiri emosi, kebolehsuaian, orientasi pencapaian dan sentiasa bersikap positif.

Selain kemahiran yang terlibat dalam pengendalian yang berjaya adalah: menggunakan lengan dan tangan untuk menjelaskan muzik, rentak, gaya, watak, mood dan frasa; hubungan mata dan ekspresi muka dan rentak yang tepat.

Rooney (2011) menerangkan Terdapat hubungan antara gerak isyarat, kehadiran fizikal, aura yang boleh dipancarkan oleh konduktor, dan apa yang dihasilkan oleh pemuzik Sebagai contoh, bekas konduktor New York Philharmonic Alan Gilbert

menawarkan bahawa "Terdapat hubungan antara gerak isyarat, kehadiran fizikal, aura yang boleh dipancarkan oleh konduktor, dan apa yang dihasilkan oleh pemuzik. Hubungan antara konduktor dan penghibur diperkuuh lagi oleh lokasi fizikal konduktor-selalunya secara langsung dalam pandangan semua penghibur di hadapan ensembel yang membolehkan penghibur melihat sumbangannya dengan mudah.

Russell (2003) turut menyatakan bahawa kebolehan konduktor mendengar muzik secara dalaman dan mampu menjiwai repertoire dengan perasaan, imej dan ekspresi muzik yang baik. Dari aspek pengendalian kumpulan koir, konduktor perlu melengkapkan diri dengan peranan sebagai pengarah koir yang sentiasa bersedia dan terlatih. Konduktor juga berkebolehan memberi inspirasi dan motivasi kepada penyanyi, dan kreatif. Seorang konduktor yang berkualiti lazimnya mempunyai latar belakang dalam teori muzik, mempunyai kemahiran pedagogi koral seperti pembacaan





skor, mempunyai pendengaran harmonik, berkemahiran dalam pengeluaran vokal kerana teknik demonstrasi amat diperlukan semasa latihan, berkebolehan dalam membuat tafsiran dan pengajaran. Selain itu, konduktor juga perlu berpengetahuan dalam pelbagai gaya muzik dan sesetengah menjadi pengiring piano untuk persesembahan koir. Akhir sekali, seorang konduktor yang baik juga harus menjadi penyanyi yang baik dan mengetahui peraturan dan teknik yang kreatif menjadikan persembahan vokal lebih menyeronokkan.

Oleh demikian, usaha dan sumbangan konduktor ke atas kecemerlangan sesebuah pasukan yang dinobatkan sebagai pasukan terunggul di arena antarabangsa adalah faktor yang perlu diteliti dan tips-tips kejayaan beliau harus dikongsikan.



1.3 Penyataan Masalah

Secara asasnya, persembahan koir itu mencakupi nilai-nilai kebersamaan, keterangkuman dan kesyukuran. Koir tidak dapat dipersembahkan tanpa paduan suara daripada setiap ahli pasukan. Keharmonian persembahan koir yang menepati kriteria skor repertoire merupakan disiplin yang sangat kritikal dalam memastikan penyampaian lagu tersebut lunak didengar oleh audien.

Isu Pedagogi koral pertama iaitu ketandusan pengetahuan dan pengalaman kepimpinan dalam koir di sekolah. Kreditiliti dan keupayaan konduktor di sekolah sekarang menjadi cabaran kerana kekurangan kemahiran tertuamanya dalam pimpinan kagu “*conducting*”. Kebolehan dalam aspek pedagogi koral, disiplin, kebolehan





menyelesaikan masalah, kebolehan merancang dan cara menangani masalah timbul sebagai satu cabaran kepada guru koir di sekolah.

Faktor kekurangan kemahiran guru koir membawa kesinambungan kepada isu-isu pemilihan repertoire yang didapati seperti peruntukan masa yang diberi tidak cukup dimana lagu yang mempunyai harmoni yang kompleks biasanya lebih mencabar dan memerlukan masa latihan yang lebih panjang agar ahli koir dapat menghafal dan menguasai repertoire dengan baik. Selain itu, guru koir juga menghadapi kekeliruan suara dan masalah agihan bilangan penyanyi semasa memilih repertoire. Sementara itu, guru koir juga menghadapi masalah pemilihan repertoire berdasarkan wilayah julat suara ahli koir, maka ini membawa kesinambungan kepada kegagalan lontaran pic yang betul. Selain itu, pemilihan repertoire yang luar kemampuan ahli koir juga menyumbang kepada kegagalan persembahan koir dalam sebuah pertandingan. Maka, pemilihan lagu-lagu yang bersesuaian dengan tema penting dalam usaha menyampaikan sesuatu mesej kepada pendengar.

Isu pedagogi koral kedua yang sering berlaku sebelum pengajaran nyanyian lagu iaitu teknik pernafasan yang tidak betul dan postur menyanyi yang tidak dititikberatkan akan menyebabkan nyanyian kedengaran mengah dan tidak bertenaga. Selain itu, teknik vokal yang salah akan menyebabkan kegagalan penghasilan ton dimana terdapat sesetengah ahli koir menjerit kerana tidak mahir menggunakan suara kepala dengan mengeluarkan suara nyaring yang merosakkan keseimbangan suara koir. Penghasilan warna ton yang berbeza sering kali berlaku juga apabila terdapat seseorang yang menghasilkan vokal yang terlalu kuat. Hal ini menyebabkan wujudnya perbezaan warna ton yang begitu ketara dalam sesebuah kumpulan koir. Ketidakseragaman suara koir juga





akan menjelaskan persembahan mahupun pertandingan.

Selain itu, terdapat masalah lontaran suara yang terlalu lembut dan kurang resonans menyebabkan persembahan nyanyian koir kurang didengar oleh audien. Sebutan yang tidak betul dan kurang jelas juga menyebabkan persembahan itu tidak menarik. Sementara itu, terdapat ahli koir yang menyanyi dengan irama yang tidak sekata, keadaan ini telah menimbulkan gangguan terhadap penghasilan nyanyian dalam koir. Selain itu, nyanyian pic dan tempo yang tidak tepat akan menghasilkan nyanyian yang sumbang, tidak selesa didengar dan mencacatkan persembahan. Faktor-faktor yang tersenarai di atas yang menyumbang kepada kegagalan pasukan koir dalam sesebuah pertandingan.



dan berpengalaman dalam pimpinan koir (Fauzila, 2018) menyebabkan kaedah latihan yang dijalankan kurang berkesan dan tidak menyumbang terhadap penyelesaian masalah penghasilan ton dan kualiti persembahan. Rajamoney (2005) menjelaskan bahawa hampir kesemua guru muzik di negara mempunyai kelulusan dalam bidang pendidikan muzik tetapi tidak ramai yang terlatih khusus dalam memimpin koir . Oleh yang demikian, mereka kurang mendapat latihan kemahiran vokal secara sistematis (Saw, 2008).

Secara umumnya, memang agak kurang terutama di Malaysia pengkaji-pengkaji di Malaysia yang mengkaji ciri-ciri yang dimiliki oleh seorang konduktor yang berjaya. Kualiti yang ada pada konduktor perlu dikaji untuk dibawa ke sekolah. Ahli koir di sekolah memerlukan bimbingan agar bakat mereka terus terserlah.





Melihat kepada potensi koir dalam pendidikan dan hubungan kualiti konduktor terhadap kecemerlangan pasukan koir, maka satu kajian yang terperinci perlu dilakukan bagi mendokumentasikan perkara ini sebagai panduan kepada pihak yang berhasrat untuk menubuhkan atau memperkasakan kumpulan koir masing-masing. Berdasarkan permasalahan yang berhubung kait dengan pedagogi koral seperti yang telah dibincangkan, penyelidik telah mengkaji konduktor dan kumpulan koir yang terpilih bagi meninjau perkara-perkara yang berkaitan seperti aspek teknik, kaedah latihan dan gaya kepimpinan konduktor yang telah menyumbang kepada kejayaan pasukan koir tersebut.

1.4 Objektif Kajian



Kajian ini dijalankan adalah berdasarkan objektif-objektif berikut:



1. Meninjau pedagogi koral yang telah diaplikasikan oleh UiTM Chamber Choir dalam aspek teknik vokal.
2. Meninjau pedagogi koral yang telah diaplikasikan oleh UiTM Chamber Choir dalam aspek kaedah latihan.
3. Menganalisa kualiti kepimpinan konduktor UiTM Chamber Choir.

1.5 Persoalan kajian

Kajian ini menjurus dalam menjawab soalan-soalan berikut:

1. Apakah pedagogi koral yang telah diaplikasikan oleh UiTM Chamber Choir dalam aspek teknik vokal?





2. Apakah pedagogi koral yang telah diaplikasikan oleh UiTM Chamber Choir dalam aspek kaedah latihan?
3. Apakah kualiti kepimpinan konduktor UiTM Chamber Choir?

1.6 Definisi Operasional

Konsep ini akan digunakan dalam kajian tertakluk kepada definisi operasional seperti berikut:

1.6.1 Konduktor



Menurut Kamus Dewan Edisi keempat, konduktor bermaksud orang yang memimpin sesuatu persembahan koir, simfoni atau orkestra. Dalam kajian ini, pengkaji akan melihat ciri-ciri kepimpinan seperti merancang, menangani cabaran serta kompetensi dalam melaksanakan kewajipan sebagai pemimpin koir. Selain itu, hubungan beliau dengan ahli-ahli UITM Chamber Choir juga akan diperhati dan dikaji.

1.6.2 Repertoire

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, repertoire bermaksud semua drama, muzik, nyanyian, cerita dan sebagainya yang disediakan sedia untuk dinyanyikan dalam lakonan atau dipersembahkan oleh penyanyi, pelakon dan pemuzik dan sebagainya. Gubahan





repertoire koir boleh dalam bentuk nyanyian dengan atau tanpa iringan alat-alat muzik. Nyanyian tanpa iringan instrumen dipanggil nyanyian acapella. Instrumen iringan secara praktikalnya boleh mengandungi sebarang instrumen yakni daripada satu hingga kepadua orkestra penuh. Kebanyakan repertoire koir digubah dengan irungan piano atau organ.

Koir ialah satu proses muzik dalam memainkan muzik dengan menggabungkan beberapa suara iaitu Soprano, Alto, Tenor, dan Bass atau biasa disingkat SATB. (Widodo, T. W., Tjaroko,W.S., & Setyawan, F. A.,2019). Repertoire dalam kajian ini adalah repertoire yang mengandungi lapisan suara yang digubah berdasarkan elemen-elemen muzik yang digunakan oleh UiTM Chamber Choir.



1.6.3 Pedagogi

Perkataan pedagogi ini adalah berasal daripada bahasa latin, yang memberi maksud kaedah mengajar kanak-kanak. Namun demikian, sesuai ataupun seiring dengan kemajuan dunia pendidikan pada masa kini, konsep pedagogi turut berkembang dan digunakan dalam konteks iaitu pengajaran di semua peringkat sekolah hingga ke peringkat universiti. Shafritz (1997), beliau berpendapat bahawa pedagogi merupakan satu prinsip dan juga merupakan kaedah pengajaran. Definisi pedagogi dalam kajian ini diertikan sebagai kemahiran atau prinsip mengajar yang digunakan oleh konduktor untuk menyampaikan pengajaran dan pembelajaran vokal dan latihan nyanyian lagu.





1.6.4 Koral

Koral (*Chorus*) membawa maksud muzik paduan suara yakni muzik yang dinyanyikan oleh koir dengan dua atau lebih suara yang ditetapkan untuk setiap bahagian. Muzik paduan suara semestinya bersifat polifon iaitu, terdiri daripada dua atau lebih baris vokal autonomi. Ia mempunyai sejarah yang panjang dalam muzik gereja Eropah. (Stevens, 2022)

1.6.5 Teknik Vokal

Teknik vokal merujuk kepada postur, pernafasan, *phonation*, resonan, *diction*, ekspresi, dan unsur dinamik yang perlu dilihat dalam nyanyian solo maupun nyanyian koir (Joshua, 2020). Dalam kajian ini, penyelidik akan melihat teknik vokal yang digunakan oleh Dr Masashi Kishimoto dalam UiTM Chamber Choir.

1.6.6 Kaedah Latihan

Menurut Kamus Dewan Dan Pustaka, kaedah bermaksud cara atau peraturan membuat sesuatu. Manakala latihan merujuk pada segala usaha terancang organisasi untuk memudahkan pembelajaran tingkah laku tertentu (Poon, 1994). Usaha ini bertujuan memperbaiki prestasi semasa dan prestasi akan datang agar objektif dapat dicapai. Bagi Ricks et al., (1995) berpendapat bahawa latihan adalah merujuk kepada aktiviti dan pengalaman yang direkabentuk untuk membangunkan kemahiran, pengetahuan dan





kelakuan atas arahan organisasi.

Latihan selalunya berkait rapat dengan tugas-tugas yang khusus atau yang berkaitan dengan kerja dan ia direkabentuk untuk mengajar kemahiran yang baru atau mempertingkatkan kemahiran yang ada. Dalam konteks kajian ini, kaedah kajian merujuk kepada pergerakan, *handsign* dan cara-cara yang digunakan oleh Konduktor UiTM Chamber Choir.

1.7 Batasan Kajian

1.7.1 Subjek Kajian



Kajian ini hanya dilakukan terhadap konduktor dan ahli Uitm Chamber Koir yang terlibat.

1.7.2 Durasi dan tempoh kajian

Proses pengumpulan data bagi kajian ini akan mengambil masa selama tiga bulan sahaja.





1.7.3 Hasil Kajian

Hasil kajian ini tidak menuntut untuk mengemukakan ilmu yang komprehensif dan serba lengkap tentang pengurusan koir. Akan tetapi, ia merupakan satu pengumpulan ilmu dan pengalaman yang praktikal daripada pemimpin koir yang berketrampilan dan mempunyai kepakaran dalam aspek pengurusan pengendalian koir.

1.7.4 Repertoire

Repertoire yang terlibat dalam kajian ini adalah repertoire yang digunakan semasa pertandingan pasukan Uitm Chamber Choir. Analisis yang dilakukan adalah terhadap



1.7.5 Skop Kajian

- i. Teknik Vokal iaitu membataskan kepada aktiviti-aktiviti vokal yang dilakukan sebelum menyanyi repertoire terpilih .
- ii. Batasan kajian dari segi kaedah latihan, jadi fokus kajian adalah terhadap pendekatan, strategi yang digunakan sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran nyanyian repertoire.



1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini dihasilkan berdasarkan ilmu dan pengalaman yang diperoleh daripada pemimpin koir UiTM Chamber Choir, Dr Masashi Kishimoto yang dinobatkan sebagai pasukan koir yang cemerlang di arena antarabangsa. Analisis yang komprehensif ini adalah penting dimana kriteria-kriteria yang menyumbang ka arah kejayaan dan pengekalan mutu persembahan koir yang tinggi dapat dijadikan rujukan kepada pihak seperti berikut:

1.8.1 Guru penasihat koir atau Pendidik muzik

Kenyataan turut dibuat oleh Fauzila (2018) iaitu tidak ramai pemuzik di Malaysia yang terlatih khusus dalam bidang pimpinan koir. Memandangkan perkara ini, hasil kajian ini boleh dijadikan rujukan kepada guru penasihat koir atau pendidik muzik dalam pengurusan latihan atau pengendalian koir secara sistematis dalam perancangan.

1.8.2 Konduktor

Kajian ini dapat dijadikan panduan kepada konduktor untuk memahami teknik penghasilan vokal dan mengekalkan kualiti nyanyian ahli-ahli koir iaitu nyanyian dalam pic yang tepat. Dengan ini, konduktor bukan sahaja mempunyai kemahiran menkonduksi koir tetapi juga bersikap dinamik dan positif, serta mampu memimpin kumpulan dengan yakin, jelas dan berkesan. Dengan ini, mutu persembahan berdasarkan repertoire



terjamin. Sesungguhnya, kajian ini berguna untuk pemuzik yang bekerja dalam bidang koir.

1.8.3 Ahli Penyelidik

Hasil kajian ini merupakan salah satu sumbangan sebagai rujukan kepada ahli pengkaji dimana kajian dijalankan terhadap pemimpin koir yang mempunyai kepakaran dalam bidang koir. Ia boleh dijadikan panduan dalam pengkajian bidang koir memandang kajian ilmiah juga didapati kurang dijalankan di dalam negara berhubung dengan bidang seni muzik yang menjurus terhadap nyanyian negara ini. (Fauzila, 2018).



1.8.4 Ahli Koir

Lazimnya, terdapat pelajar menjawat bersama guru dalam sesebuah pertubuhan koir. Dengan ini, hasil kajian ini boleh dijadikan panduan kepada pelajar agar dapat menambah pengetahuan muzikaliti termasuk teknik nyanyian yang betul supaya dapat menghasilkan kualiti vokal yang baik. Di samping itu, hasil kajian ini juga dapat memberi kesedaran kepada ahli koir tentang peranan mereka serta ciri-ciri yang perlu ada dalam seorang vokalis untuk menghasilkan mutu persembahan koir yang bermutu. Sesungguhnya kajian ini memberi manfaat kepada peringkat kanak-kanak dan peringkat profesional.

